

R GB 14-12 00178 BH293

Bah

TTADA SEBAB UNTUK LUPUSKAN HUTANG KERAJAAN RELANTAN  
Mahathir - Hutang

SEGAMAT, 14 Dis (Bernama) -- Kerajaan Pusat tidak boleh melupakan hutang kerajaan Kelantan atau menukarkannya ke dalam bentuk geran, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Beliau berkata, tindakan seperti itu tidak pernah dibuat oleh kerajaan pusat.

+Sebenarnya hanya apabila sesuatu badan itu bankrap barulah boleh kita kira lupuskan hutang...selagi tidak diisytiharkan bankrap, kita tak boleh lupuskan hutang,+ katanya kepada pemberita selepas merasmikan Sistem Penggunaan Gas Semenanjung Peringkat II di Pusat Operasi Petronas di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Baba bahawa kerajaan Kelantan mengemukakan memorandum kepada kerajaan pusat memintadilupuskan 70 peratus daripada \$1 00 juta hutang projek bekalan air Kelantan Utara.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, tidak ada sebab bagi kerajaan pusat membenarkan kerajaan Kelantan sahaja menukarkan hutangnya ke dalam bentuk geran.

+Apa sebab nak bagi kat Kelantan sahaja...kalau kita nak bagi, kita kena bagi kepada seluruh Malaysia,+ katanya.-- Lagi.

♥14/12/16-04MST

R GB 14-12 00173 BH294

Bah

Mahathir - Hutang 2 (Akhir) Segamat.

Katanya, tindakan melupuskan hutang kerajaan negeri hukan merupakan contoh yang baik sedangkan kerajaan sentiasa meminta orang ramai yang berhutang dengan bank supaya membayar hutang mereka.

+Kalau kita hutang orang, kita bayarlah,+ katanya dan menambah bahawa kerajaan Kelantan sebenarnya mampu untuk membayar hutangnya kepada kerajaan pusat.

Ketika menjawab soalan lain, Perdana Menteri berkata tidak ada rancangan untuk beliau mengadakan pertemuan sekali lagi dengan Menteri Besar Kelantan, Haji Nik Aziz Nik Mat. setelah mereka bertemu secara rasmi di pejabatnya tidak lama dulu.

Katanya, Haji Nik Aziz tidak membuat permintaan untuk bertemuinya.

Perdana Menteri juga meminta rakyat memikirkan faedah jangka panjang dalam penggunaan gas asli walaupun terpaksa berbelanja terlebih dahulu bagi mendapatkan bahan itu.

Beliau memberi contoh bahawa penggunaan gas asli bagi kenderaan (NGV) akan membolehkan orang ramai yang terpaksa membeli alat bagi kenderaan mereka menggunakan bahan itu memperolehi faedah jangka panjang.

Katanya, kerajaan akan mempertingkatkan kemungkinan menggunakan NGV untuk kenderaan kerajaan. -- Bernama

♥14/12/16-05MST